- ii. berkomunikasi dengan menggunakan ayat mudah secara bertatasusila.
- iii. membaca dan memahami ayat mudah.
- iv. menulis perkataan dan frasa.

Fokus kajian ini ialah objektif ketiga, iaitu membaca dan memahami ayat-ayat mudah. Sebagai seorang guru prasekolah, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengajar murid membaca ayat mudah di dalam Bahasa Inggeris kerana ia telah dinyatakan dengan jelas di dalam KSPK. Walau bagaimanapun, guru perlu menggunakan kebijaksanaan mereka untuk memilih kaedah yang sesuai untuk mengajar kemahiran membaca Bahasa Inggeris kepada murid prasekolah.

Kajian yang dijalankan oleh EW Marima (2016) telah mendedahkan bahawa majoriti guru prasekolah (90%) menggunakan kaedah fonik, diikuti oleh kaedah *whole-language* (10%). Kedua-dua kaedah ini paling popular untuk mengajar kemahiran membaca Bahasa Inggeris kepada murid prasekolah. Secara ringkasnya, kaedah fonik menekankan sebutan bunyi untuk menyebut perkataan. Ling-Ying (2014) menjelaskan pendekatan *Whole-language* sebagai pelajaran bermula daripada keseluruhan dan diikuti dengan bahagian yang lebih kecil. Penjelasan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Patzelt (1995) yang menyatakan bahawa *whole language* adalah pendekatan, atau sikap terhadap pembelajaran yang melihat bahasa secara



keseluruhan, dan kemahiran menulis, bertutur, membaca, dan mendengar harus disatukan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Di antara kedua-dua pendekatan ini, kaedah fonik menjadi pilihan pengkaji. Ia menjadi pilihan bukan sahaja kerana popularitinya, tetapi kerana ia berkesan (NICHHD, 2000), (Ehri, Nunes, Stahl, dan Willows, 2001), (Torgerson, Brooks, dan Hall, 2006), (Galuschka, Ise, Krick, dan Schulte-Körne, 2014), (Dessemontet, Martinet, Chambrier, Martini-Willemin, dan Audrin, 2019) untuk membantu murid-murid membaca.

Di Malaysia, perkembangan dunia pendidikan yang begitu pesat lewat dua puluh tahun kebelakangan ini telah menyaksikan perubahan kandungan kurikulum di peringkat prasekolah (Mohd Nazri & Wan Nurul Baizura, 2018). Penekanan secara terperinci tentang kaedah fonik mula ditekankan di bawah standard pembelajaran Tunjang Bahasa dan Komunikasi (Bahasa Inggeris) Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1. 1

Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca (Bahasa Inggeris) KSPK Semakan 2017

Content Standard	Learning Standard	
	4+	5+
BI 2.2 Sounds of letters to recognise words	Pupils are able to: BI 2.2.1 Recognise letters of the alphabet by their: shape name	Pupils are able to: BI 2.2.5 Recognise and sound out letters of the alphabet.

(Bersambung)



Jadual 1.1 (sambungan)

Content Standard	Learning Standard	
	4+	5+
BI 2.2 Sounds of letters to recognise words	Pupils are able to:	Pupils are able to:
	BI 2.2.2 Recognise small letters of the alphabet	BI 2.2.6 Recognise and sound out initial, medial and ending sound in a word.
	BI 2.2.3 Recognise capital letters of the alphabet.	BI 2.2.7 Blend phonemes (sounds) to form single syllable words.
	BI 2.2.4 Name letters of the alphabet.	
BI 2.3 Understanding of a texts in the form of print and non print materials	Pupils are able to:	Pupils are able to:
	BI 2.3.1 Recognise and read logos and signs	BI 2.3.3 Recognise and read high frequency/sight words.
	BI 2.3.2 Read familiar words printed in the surroundings	BI 2.3.4 Read simple phrases.
BI 2.4 Develop interest in reading independently for information and enjoyment	Pupils are able to:	Pupils are able to:
	2.4.1 Recognise and name pictures in the book.	2.4.2 Read texts independently.
		2.4.3 Read and respond to texts read.

Selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang berlaku secara global, perubahan perlu dibuat terhadap penggunaan bahan bantu mengajar untuk menyampaikan pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) guru di dalam kelas. Hal ini disokong oleh Donohue dan Schomburg (2012) yang menjelaskan bahawa teknologi dan media





interaktif merupakan alat yang dapat menggalakkan perkembangan dan pembelajaran secara berkesan apabila ia digunakan secara khusus atau untuk tujuan tertentu.

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan perisian fonik Bahasa Inggeris sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010), dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kaedah Fonik merupakan cadangan utama dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dilaksanakan di peringkat prasekolah agar murid-murid menguasai kemahiran membaca Bahasa Inggeris seawal usia lima hingga enam tahun.

Pembangunan perisian ini bukan sahaja akan membantu guru-guru menyampaikan kaedah fonik dengan lebih berkesan, akan tetapi ia turut menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) melalui dua daripada 'Sebelas Anjakan Utama Untuk Mentransformasi Sistem Pendidikan Negara, iaitu:

- 2) Memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan, dan
- 7) Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran membaca merupakan kemahiran terpenting di dalam pembelajaran bahasa terutamanya bagi pembelajaran *English as Second Language* (ESL) kerana ia merupakan sumber penting untuk memahami input di dalam pembelajaran bahasa (Ghazizadeh & Fatemipour, 2017). Kemahiran ini perlu dikuasai untuk mengurangkan risiko masalah membaca dan kesan-kesan lain. Walau bagaimanapun, risiko ini boleh dikurangkan oleh guru Bahasa Inggeris dengan mencari kaedah membaca yang





terbaik serta sesuai digunakan untuk mengatasinya. Kaedah yang cukup popular di kalangan guru-guru di seluruh dunia ialah kaedah fonik.

Walaupun kaedah fonik merupakan pendekatan yang diterima pakai oleh kebanyakan guru di seluruh dunia, namun ia merupakan pendekatan baharu bagi pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia (Rabindra Dev Prasad, Nooreiny & Hamidah, 2016). Walaupun baharu di Malaysia, pengajaran kaedah fonik ini boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya mengikut panduan. Kajian oleh NSW Department of Education and Training, Learning and Development (2009) mengesyorkan agar pengajaran kaedah fonik ini diperkukuhkan dengan menggabungkannya dengan penggunaan teknologi. Saranan ini selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui KSPK (semakan 2017) yang menyasarkan penggunaan ICT oleh guru prasekolah di bilik darjah. Selain itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan. (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2017, p.16)

Walau bagaimanapun, menerusi kajian yang dijalankan oleh (Mullins, 2013), terdapat ramai guru yang keliru tentang terma fonik dan kurang pengetahuan asas tentang penggunaan fonik secara sistematik serta cara untuk melaksanakan kaedah fonik ini di dalam kelas. Messmer (2005) juga memperolehi dapatan yang sama iaitu:

Up to 20% of the over three thousand elementary school teachers they surveyed were unclear about the terms “systematic” and “explicit” when applied to phonic.

(Messmer, 2005)

Ini dikuatkan lagi dengan penemuan kajian Nadiah Yan, Napisah dan Mariyatunnitha (2015) yang menyatakan bahawa terdapat responden yang mengakui tidak biasa dengan pendekatan fonik malah tidak pernah menggunakan pendekatan





ini di dalam pengajaran mereka. Bahkan, kajian yang telah dijalankan oleh Wahyuni Naning Tri, Endang Fauziati, dan Mauly Hikmah (2016) juga mendapati bahawa guru tidak mahir mengajar kaedah ini di kelas.

Selain itu, kaedah pengajaran guru kurang merangsang minat murid untuk membaca khususnya bagi Tunjang Bahasa (Inggeris). Kaedah pengajaran di kelas prasekolah masih berorientasikan guru, tanpa memberi peluang kepada murid untuk meneroka (Mardziah, Mariani, Damaety, & Chee, 2017). Hal ini berlaku disebabkan oleh program LINUS di peringkat aliran perdana menekan guru-guru prasekolah supaya menekankan penguasaan 4M iaitu kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul. Akibatnya, murid-murid prasekolah hanya belajar secara formal tanpa menerapkan elemen belajar sambil bermain (Mardziah et al, 2017).

Hakikatnya, guru perlu akur bahawa mereka kini sedang berdepan dengan Generasi Alpha, iaitu kumpulan yang lahir selepas tahun 2010 (Reis, 2018). Apa yang menarik tentang Generasi Alpha atau juga dikenali dengan Anak Jati Digital ini ialah mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang canggih di dalam teknologi kerana ia merupakan sebahagian dari kehidupan mereka (Benett, Maton, & Kervin, 2008; Reis, 2018). Justeru, penggunaan teknologi di dalam kelas prasekolah perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak khususnya bagi Tunjang Bahasa Inggeris.

Jadual menunjukkan 1.2 menunjukkan kajian-kajian lepas mengenai pembangunan perisian fonik Bahasa Inggeris.





Jadual 1. 2

Kajian-kajian Lepas Pembangunan Perisian Fonik Bahasa Inggeris

Nama Perisian	Ciri-ciri	Pengkaji
Synthetic Phonic Method on Multimedia Courseware	- Menggunakan kaedah Synthetic Phonic - Tujuan untuk digunakan sebagai bahan bantu mengajar kemahiran membaca - Menekankan hubungan huruf-bunyi, jadi murid-murid belajar bahawa bunyi di dalam perkataan sepadan dengan huruf di dalam perkataan - Sasaran pengguna: murid prasekolah	Nasrul Junaidi (2010)
Lexia Reading Software	- Pengkaji menggunakan perisian sedia ada untuk meningkatkan standard membaca melalui pendekatan berasaskan fonetik untuk belajar membaca. - Sasaran pengguna : Murid Tahun 3 (6-7 tahun)	McMurray (2012)

(Bersambung)





Jadual 1.2 (sambungan)

Nama Perisian	Ciri-Ciri	Nama Pengkaji
Nessy Learning Program & Wordshark	- Menggunakan perisian sedia ada di pasaran ntuk menentukan sama ada penggunaan ICT memainkan peranan untuk mempunyai masalah ADHD dapat meneruskan tugas, secara tidak langsung dapat meningkatkan ketepatan ejaan dan membaca mereka. - Kumpulan sasaran : Murid ADHD yang mempunyai masalah membaca	Tan dan Chua (2013)
Macromedia "Phonics 1a" Software	- Tujuan perisian dibangunkan ialah untuk meningkat keupayaan sebutan Bahasa Inggeris pelajar - Sasaran pengguna : pelajar Gred 1 sekolah menengah kejuruan swasta	Aris Lathifah (2016)
A to Z Safari	- Tujuan untuk mengkaji sama ada penggunaan reka bentuk gambar di dalam aplikasi ini mempengaruhi penggunaan sendiri di dalam kelas. - Sasaran pengguna: 5-7 tahun	Nicholas, McKenzie, dan Wells (2017)

(Bersambung)





Jadual 1.2 (sambungan)

Nama Perisian	Ciri-Ciri	Nama Pengkaji
Interactive English Phonics Learning for Kindergarten Consonant-Vowel-Consonant (CVC) Word Using Augmented Reality Kid's Education and Fun Courseware	- Murid mempelajari bunyi fonik dan perkataan CVC menerusi permainan kad yang terdapat di dalam program AR. - Sasaran pengguna: murid tadika	Sidi, Yee, dan Chai (2017)
	- Untuk membantu murid-murid dan guru prasekolah mendalami kaedah fonik - Membantu murid menguasai 26 huruf (English Alphabet) dan bunyinya. - Sasaran pengguna: murid-murid prasekolah	Ainul Maulid, Mu'azah , Wan Mahani, Mohd Aswad, Mohamad Izril (2018)

Memang terdapat pelbagai kajian yang membangunkan perisian fonik Bahasa Inggeris seperti kajian *Synthetic Phonic Method on Multimedia Courseware* yang dibangunkan oleh Nasrul Junaidi (2010), *Lexia Reading Software* yang dikaji oleh McMurray (2012), penggunaan *Nessy Learning Program & Wordshark* seperti yang dijalankan oleh Tan dan Chua (2013), kajian penggunaan “Macromedia Phonics 1a” Software yang dijalankan oleh Aris Lathifah (2016), pembangunan Aplikasi *A To Z Safari* yang dilaksanakan oleh Nicholas McKenzie dan Wells (2017), kajian tentang *Interactive English Phonics Learning for Kindergarten Consonant-Vowel-Consonant (CVC) Word Using Augmented Reality* yang dibangunkan oleh Sidi, Yee dan Chai





(2017) dan pembangunan Kid's Education and Fun Courseware yang dijalankan oleh Ainul Maulid et al., (2018).

Berpandukan beberapa contoh kajian lepas, pembangunan perisian multimedia yang berfokus kepada kaedah fonik ini mempunyai tujuan yang pelbagai. Ada yang membina perisian fonik dengan tujuan untuk mengkaji pengaruh penggunaan gambar ke atas penggunaan sendiri murid di dalam kelas. Ada yang membangunkannya dengan tujuan untuk membantu murid-murid bermasalah pembelajaran membaca. Apa yang ingin diketengahkan di dalam kajian ini adalah kaedah fonik secara suku kata. Reading Rockets menerusi artikelnya yang bertajuk Phonics In Practice ada menyatakan bahawa pengajaran suku kata amat berguna kerana bunyi vokal yang terdapat di dalam Bahasa Inggeris adalah berbeza-beza. Malah, pengetahuan tentang suku kata akan dapat membantu kanak-kanak menentukan bunyi vokal satu suku kata. Perkara ini turut disokong oleh Knight-McKenna (2008) yang menyatakan bahawa apabila murid-murid menguasai pengecaman suku kata ini dengan cepat dan tepat, mereka akan dapat menyahkod perkataan panjang secara sistematik.

Walau bagaimanapun, pengkaji belum menemui kajian yang menekankan pengajaran kaedah fonik secara suku kata di dalam kajian lepas seperti yang dinyatakan di atas. Justeru, kajian ke atas pembinaan perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* dijalankan dengan tujuan untuk melihat kesesuaian penggunaan kaedah fonik secara suku kata ini sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan sebuah perisian fonik yang boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Perisian ini diberi nama *Come and Read, Sayang!* yang menggunakan model *Bottom-Up* iaitu pendekatan membaca yang bermula dari unit paling kecil (gabungan huruf dan bunyi) kepada unit yang paling besar sebagai kandungan perisian, manakala model Instruksional ADDIE pula digunakan sebagai panduan untuk membangunkan perisian ini.

1.5 Objektif Kajian

- i. Menganalisis keperluan guru-guru prasekolah ke atas perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!*
- ii. Mereka bentuk perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* yang menepati Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- iii. Membangunkan kandungan pembelajaran perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* yang menepati Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- iv. Menilai kebolegunaan perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah.





1.6 Soalan Kajian

- i. Apakah keperluan guru-guru prasekolah ke atas perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!*?
- ii. Adakah reka bentuk perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang* menepati Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?
- iii. Adakah kandungan pembelajaran perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* menepati standard Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?
- iv. Adakah perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah?

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konseptual bagi kajian ini terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu, i) teori yang menjadi rujukan, ii) metodologi yang digunakan, serta iii) hasil kajian.

Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah *Dual Coding Theory (DCT)*. *DCT* dicadangkan oleh Allan Paivio dan teori ini mengandaikan terdapat dua subsistem kognitif, satu dikhususkan untuk mewakili dan memproses objek bukan lisan seperti imej visual dan satu lagi subsistem yang berkait secara langsung dengan bahasa. Paivio (2006) menyatakan bahawa pembaca awal (kanak-kanak) akan belajar membaca perkataan konkrit dengan lebih mudah apabila perkataan tersebut diiringi dengan gambar rujukan berbanding perkataan yang hanya dipasangkan dengan sebutan sahaja.





Gabungan di antara gambar, imejan mental serta menghurai secara lisan merupakan kaedah yang lebih berkesan untuk meningkatkan kefahaman berbanding belajar melalui teks semata-mata, baik bagi pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti. Mayer (1999) pula telah membuat cadangan tentang pembelajaran multimedia seperti berikut:

- (a) menggunakan perkataan dan gambar berbanding penggunaan perkataan semata-mata.
 - (b) menyampaikan gambar dan perkataan yang sepadan atau penceritaan bersama dalam ruang atau masa.
 - (c) meminimalkan penjelasan yang tidak perlu, dan
 - (d) menyampaikan perkataan seperti sebutan berbanding animasi teks pada layar (berkemungkinan untuk meminimalkan gangguan modus secara terperinci).
- Cadangan ini adalah bertepatan dengan implikasi praktikal bagi *Dual Coding Theory*.



Selain itu, terdapat dua model yang mempengaruhi pembangunan perisian fonik ini. Model yang pertama ialah *Bottom-Up Reading Model* yang berfokus kepada bacaan Bahasa Inggeris manakala model kedua iaitu *ADDIE Model*, yang merupakan pendekatan instruksional yang menunjangi pembinaan perisian ini. *Bottom-Up Reading Model* pula merupakan pendekatan di bawah Teori Kognitif yang menekankan pembangunan kemahiran membaca sebagai satu proses yang mengikut urutan. Di bawah pendekatan ini, murid mesti diajar kemahiran membaca bermula dengan asas fonik dan cara mentafsir perkataan sebelum kemahiran yang lebih kompleks seperti kemahiran memahami petikan diajar kepada murid. Pandangan ini dipopularkan oleh ramai sarjana pada tahun 1970 an. Salah seorang daripada mereka ialah Philip Gough. Gough (1972) telah membina teori bahawa kemahiran membaca merupakan satu proses yang mengikut urutan, iaitu pembaca akan membawa huruf dan menghimpunkannya menjadi bunyi. Peringkat seterusnya, bunyi-bunyi akan






digabungkan membentuk perkataan dan akhirnya peringkat pembentukan frasa akan berlaku.

Bottom-Up Reading Model banyak menjelaskan bahawa sesuatu perkataan akan lebih mudah difahami jika ia disertakan dengan gambar apatah lagi jika perkataan tersebut diajar di dalam bahasa kedua yang tidak biasa digunakan oleh murid prasekolah di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, kaedah fonik yang dipilih oleh pengkaji, jika tidak dipadankan dengan model yang betul, maka perisian fonik bagi melihat keberkesanannya meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Inggeris bagi murid prasekolah tidak akan dapat diwujudkan.

Justeru, pembinaan perisian fonik ini akan dibangunkan dengan menggabungkan *Bottom-Up Reading Model* dan Model Instruksional ADDIE yang didokong oleh *Dual Coding Theory* dan *Technology Acceptance Model*. Menurut Branch (2009), ADDIE merupakan Akronim bagi *Analyze* (Analisa), *Design* (Rekabentuk), *Development* (Pembinaan), *Implement* (Perlaksanaan) dan *Evaluate* (Penilaian). Untuk menggabungkan Model Bottom-Up dan Model ADDIE, pengkaji akan menjadikan fonik sebagai asas instruksional utama, manakala perisian yang dibangunkan dengan model ADDIE digunakan sebagai panduan pembinaan perisian ini. Setiap fasa di dalam pembangunan perisian fonik ini mempunyai saling bergantung yang tinggi untuk memastikan matlamat utama pembinaan perisian fonik ini tercapai. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual Perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!*

1.8 Kepentingan Kajian

Perbincangan tentang amalan kaedah fonik di dalam PdPc Bahasa Inggeris yang masih baru di Malaysia telah disentuh di bawah sub tajuk Pernyataan Masalah. Oleh kerana rujukan fonik secara suku kata untuk guru prasekolah masih terhad, maka kajian ini dilihat dapat memberi sumbangan kepada pendidikan prasekolah khususnya kepada guru-guru prasekolah. Melalui perisian fonik yang telah dihasilkan, pengkaji berharap agar perisian ini dapat memperkayakan rujukan guru-guru prasekolah yang menepati standard KSPK seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seterusnya, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada guru-guru prasekolah apabila ianya digunakan sebagai panduan mengajar kaedah fonik Bahasa



Inggeris. Perisian ini dibangunkan bersama manual pengguna. Selain cara-cara menggunakan perisian, manual pengguna juga menjelaskan secara terperinci tentang kaedah fonik, bermula dengan asas fonetik, sehingga bagaimana kemahiran *blending* dilakukan. Diharap dengan adanya perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* ini, guru tidak lagi berdepan dengan masalah untuk mengajar kaedah fonik kepada murid-murid prasekolah.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada murid-murid prasekolah agar mereka dapat membaca teks di dalam Bahasa Inggeris seawal usia 4 hingga 6 tahun selepas guru prasekolah mengajar mereka membaca dengan menggunakan perisian ini. Ini kerana murid tidak diperkenalkan dengan perkataan konkrit semata-mata. Penggunaan elemen multimedia seperti animasi, audio, video dan teks dijangka dapat menarik minat-minat murid prasekolah untuk membaca dengan menggunakan perisian ini.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan dari segi lokasi kerana ia hanya melibatkan sebuah daerah sahaja iaitu daerah Kuantan. Justeru dapatan kajian adalah berdasarkan pandangan guru-guru prasekolah di Daerah Kuantan sahaja dan tidak mewakili pandangan guru-guru prasekolah di daerah dan negeri lain. Walau bagaimanapun, kemahiran dan pengalaman mengajar mereka diambil kira dalam membina perisian ini.

Pemilihan kandungan pembelajaran pula dibina berdasarkan analisis ke atas Kurikulum Standard Parasekolah Kebangsaan (KSPK) dan juga berdasarkan pandangan yang dikumpulkan dari soal selidik di bawah Fasa Analisis. Justeru,



pemilihan perkataan adalah berdasarkan pengetahuan sedia ada murid dan sesuai untuk kegunaan murid-murid prasekolah yang berusia di antara empat hingga enam tahun.

Selain itu, pemilihan perkataan terhad daripada asas fonik seperti *buh*, *cuh*, *duh* sehingga cvcc seperti perkataan *belt*, *pink*, *milk*, *step* dan lain-lain sahaja. Pemilihan perkataan ini dibuat dengan mengambil kira peruntukan masa PdPc di dalam Bahasa Inggeris selama satu tahun sesi persekolahan.

1.10 Definisi Operasional

Perbincangan di bawah tajuk ini adalah tentang definisi operasional. Definisi operasional ini dipecahkan mengikut subtajuk seperti Kaedah Membaca, Fonik, Bahan Bantu Mengajar, Perisian Instruksional, Murid-murid prasekolah dan guru prasekolah.

1.10.1 Kemahiran Membaca

Membaca merupakan keupayaan untuk mentafsir, mendapatkan maksud dari lingkungan teks yang dibaca, termasuklah teks pelbagai mod, secara bertujuan dan dengan kesedaran kritikal (Janet Fellowers, 2014). Di dalam konteks kajian ini, kemahiran membaca merupakan fokus utama pengkaji yang akan diajar oleh guru-guru dengan menggunakan kaedah fonik dan dieja secara suku kata dan dengan menggunakan perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!*



1.10.1.1 Kaedah Fonik

Fonik merupakan kaedah membaca iaitu pembaca menghubungkan bunyi-bunyi huruf atau kumpulan huruf. Sebagai contoh, *c*, *k*, dan *ck* diwakili oleh satu bunyi, iaitu: /k/ (Greve, 2007). Menerusi kaedah fonik ini, pembaca akhirnya akan menggunakan pengetahuan fonik sedia ada mereka untuk mentafsir atau membunyikan perkataan, mula membaca dan akhirnya mula memahami perkataan baharu.

Merujuk kepada *National Institute of Child Health and Human Development* (NICHD, 2001), kaedah fonik mengajar pembaca satu sistem untuk mengingati cara membaca, merupakan satu alat mnemonik untuk mentafsir perkataan. Di dalam konteks kajian ini, kaedah fonik merupakan satu kaedah membaca utama yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam membangunkan kandungan pelajaran perisian.



1.10.1.2 Kaedah Suku kata

Menerusi kajian yang dijalankan, Abudu (2017) menjelaskan kaedah suku kata sebagai satu kaedah memecahkan satu perkataan kepada beberapa bahagian yang disebut suku kata. Sebagai contoh, perkataan *destination* dipecahkan kepada suku kata '*des-ti-na-tion*'. Abudu (2017) menambah bahawa kaedah ini kelihatan seperti memperlahan bacaan, tetapi ia sebenarnya membangunkan kemahiran mentafsir (*decoding*) dan membantu murid membaca dengan cara tersendiri.

Di dalam konteks kajian ini, murid diajar membina kemahiran fonik dengan sokongan kaedah suku kata. Sebagai contoh, perkataan *pink* dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu *pi-n-k*. Setiap konsonan yang diikuti dengan vokal akan disatukan di





dalam satu suku kata manakala setiap konsonan tunggal (kecuali digraf) yang muncul di awal atau di akhir perkataan akan menjadi satu suku kata tunggal. Langkah ketiga adalah dengan mengadun bunyi semua suku kata bermula daripada suku kata pertama sehingga suku kata ketiga.

1.10.2 Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar (BBM) merupakan satu kaedah alternatif yang digunakan oleh guru ketika sesi pdpc berlangsung dengan tujuan untuk membantu pengajarannya. (Norfarizah dan Mohd Zazril Ikhmal, 2016). Menurut Norzainariah (2011) pula, BBM terbahagi kepada dua kategori iaitu elektronik dan bukan elektronik. Bagi kategori elektronik, contoh penggunaan BBM adalah seperti televisyen, projektor dan komputer, manakala penggunaan BBM bukan elektronik pula adalah seperti kad imbasan, carta, majalah, jurnal dan gambar yang digunakan oleh guru (Norzainariah, 2011).

Di dalam konteks kajian ini pula, bahan bantu mengajar yang adalah fokus utama kajian. BBM yang terlibat berbentuk elektronik iaitu perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* yang memerlukan penggunaan komputer dan pembesar suara untuk menggunakannya.

1.10.3 Perisian Instruksional

Perisian merupakan istilah lain bagi program yang ditulis di dalam bahasa program (Doering & Veletsianos, 2009). Perisian Instruksional pula bermaksud aplikasi perisian





yang direka bentuk secara khusus untuk menyampaikan atau membimbing murid bagi satu-satu topik (Doering & Veletsianos, 2009). Jenis perisian instruksional pula bergantung kepada penggunaannya, seperti Perisian Latih Tubi, Perisian Tutorial, Perisian Simulasi, Program Penyelesaian Masalah dan Perisian Permainan Instruksional.

Dalam konteks kajian ini, perisian yang akan dibangunkan adalah berbentuk Latih Tubi kerana tujuan pembinaannya selain membantu guru-guru menyampaikan kaedah fonik Bahasa Inggeris kepada murid-murid prasekolah, ia juga boleh digunakan untuk menarik perhatian murid-murid ini terhadap pengajaran guru. Malah, ia boleh digunakan oleh guru sebagai aktiviti pengayaan dan pemulihan selepas sesi pengajaran selesai.



1.10.4 Pembangunan Instruksional

Pembangunan perisian diterjemahkan oleh G.F.C.Rogers (1983) sebagai satu proses amalan mengurus reka bentuk dan pembangunan sesebuah perisian mengikut konteks penggunaannya.

Di dalam konteks kajian ini pula, proses pembangunan perisian dilaksanakan mengikut Model Instruksional ADDIE yang melibatkan lima fasa, iaitu *Analyze*, *Design*, *Development*, *Implement*, dan *Evaluate*.





1.10.5 Penilaian Instruksional

Gediga, Hamborg, dan Düntsch (2002) menjelaskan bahawa penilaian bergantung pada pengetahuan semasa sains dan standard metodologi. Perisian boleh dinilai berkenaan dengan aspek yang berbeza, seperti fungsi, kebolehpercayaan, kebolegunaan, kecekapan, pemeliharaan, kemudahan.

Di dalam konteks kajian ini pula, penilaian formatif dan penilaian sumatif dilakukan ke atas perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* Penilaian formatif dilaksanakan sepanjang proses pembangunan Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* dilaksanakan manakala penilaian sumatif dilaksanakan di bawah Fasa Pelaksanaan dengan tujuan untuk menilai aspek kebolegunaan perisian ini.



1.10.6 Murid-murid Prasekolah

Pendidikan Prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran murid-murid yang berumur 4+ hingga 6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu (KPM, 2013). Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Dalam konteks kajian ini, murid-murid prasekolah merujuk kepada murid 4+ dan 5+ (murid empat tahun hingga enam tahun).





1.10.7 Guru Prasekolah

Guru prasekolah ialah guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah dan mengajar di kelas prasekolah. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2018) menyatakan bahawa guru prasekolah bertanggungjawab terhadap perkara berikut:

- i. Pengurusan pelajaran dan pembelajaran (pdp)
- ii. Pengurusan pentadbiran kelas prasekolah
- iii. Pengurusan Hal Ehwal Murid
- iv. Pengurusan Penyediaan Makanan

Di dalam konteks kajian ini, penggunaan perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar adalah berkaitan dengan pengurusan pelajaran dan pembelajaran iaitu memilih dan menyediakan bahan bantu mengajar serta peralatan yang sesuai dengan keperluan, kesediaan dan perkembangan murid prasekolah.

1.11 Rumusan

Seiring Revolusi Industri 4 yang sedang berkembang pesat pada ketika ini, kaedah pengajaran guru prasekolah di kelas seharusnya berkembang mengikut peredaran masa. Tambahan pula, guru prasekolah berdepan dengan Generasi Alfa yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan di dalam bidang teknologi kerana ia merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Perubahan di dalam kaedah pengajaran ini penting untuk menarik minat murid untuk melibatkan diri di dalam proses pdpc guru. Apatah lagi proses pdpc guru prasekolah melibatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Pendekatan yang seiring zaman seperti penggunaan





perisian multimedia sebagai bahan bantu mengajar guru perlu diperluaskan penggunaannya. Dengan mengambil kira keperluan pembangunan perisian multimedia sebagai bahan bantu mengajar sudah tentu akan memberi manfaat kepada guru prasekolah dan murid prasekolah secara langsung dan pihak lain seperti KPM dan ibu bapa secara tidak langsung.

